

27/12/1999

Tiada muslihat di sebalik tawaran Malaysia

NAMPAKNYA, usaha murni Malaysia untuk menjadi orang tengah bagi menyelesaikan masalah di Aceh, yang disampaikan melalui Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Rabu lalu dipersoalkan oleh seorang Ahli Parlimen Indonesia, Ade Komaruddin. Untuk memastikan keikhlasan Syed Hamid, beliau meminta Malaysia memberi penjelasan mengapa tawaran itu dibuat. Beliau kononnya bimbang Malaysia mempunyai muslihat tertentu kerana selama ini negara ini menjadi tempat perlindungan anggota Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

Apa sebenarnya maksud Ade itu? Mengapa beliau perlu mengaitkannya dengan GAM? Dengan bersikap celupar begitu, beliau seolah-olah memandang serong terhadap usaha Malaysia yang mahu membantu republik berkenaan menangani masalah di wilayah yang dikenali sebagai Serambi Makkah itu. Hubungan Malaysia dan Indonesia, bukanlah baru. Apakah beliau tidak pernah menghargai jasa Malaysia kepada republik itu selama ini.

Satu perkara yang beliau mungkin lupa ialah kesediaan Malaysia untuk menjadi orang tengah itu adalah berdasarkan kepada permintaan Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur ketika mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Disebabkan menyedari sensitiviti isu, Malaysia bukannya sesuka hati menawarkan diri.

Malah, Syed Hamid sendiri menegaskan bahawa Malaysia bersedia menjadi orang tengah untuk menyelesaikan masalah Aceh, jika diminta berbuat demikian oleh Indonesia. Jika tidak ada permintaan, bermakna Malaysia tidak perlu bersusah payah. Apatah lagi jika niat untuk berbakti disalah anggap oleh rakyat Indonesia sendiri.

Selama ini, Malaysia menghormati Indonesia bukan sekadar sebagai jiran, malah lebih intim daripada ikatan sebuah keluarga. Malaysia sanggup memberikan apa saja sumbangan untuk memenuhi harapan dan hasrat kedua-dua negara dalam konteks hubungan dua hala. Malaysia memang ingin melihat Indonesia kembali seperti keadaan biasa dan memulihkan semula ekonominya. Paling penting, kedaulatan republik itu sebagai sebuah negara terus dilindungi sepanjang masa.

Malangnya, bukan Ade saja yang memandang remeh niat Malaysia itu. Penganalisis politik dari Universiti Syiah Kuala Banda Aceh, Moersidin Moekhlas juga demikian. Beliau tidak mahu Indonesia membabitkan negara lain untuk menyelesaikan masalah Aceh kerana ia adalah masalah dalaman republik itu.

Daripada liputan akhbar di negara itu, wartawan Indonesia juga nampaknya kurang yakin dengan kesediaan Malaysia dan mereka meminta penjelasan daripada Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa di Parlimen mengenai perkara itu.

Tidak dipastikan sama ada mereka menerima kenyataan Rastam yang menyatakan bahawa Malaysia memang serius untuk menjadi orang tengah. Bagaimanapun, mereka tidak perlu bimbang kerana pembabitkan Malaysia hanya akan menjadi kenyataan jika ada permintaan daripada Indonesia. Jika suara membantah terlalu kuat, mereka perlu mendesak kerajaan Indonesia sendiri supaya jangan menagih simpati daripada negara lain, walaupun negara jiran sendiri.

Sebagai negara jiran yang selama ini menjalin hubungan baik dengan negara itu, Malaysia tidak akan menyatakan kesediaannya jika tidak berlandaskan kepada kesungguhan untuk membantu Indonesia. Ini bukanlah

bantuan pertama Malaysia kepada Indonesia.

Disebabkan ia dinyatakan oleh seorang menteri, ini membuktikan kesungguhan Malaysia. Seorang menteri memerlukan mandat daripada Kabinet sebelum membuat sebarang tawaran. Bolehlah diandaikan bahawa kerajaan Malaysia sendiri yang sanggup membantu setelah Gus Dur membuat tawaran. Bagaimanapun, Indonesia perlu memberitahu bentuk bantuan yang diperlukan. Ade dan Moersidin perlu menerima hakikat bahawa Malaysia tidak bersifat seperti hidung tak mancung pipi tersorong-sorong. Sepatutnya, mereka menghargai kesediaan negara jiran, bukannya mempertikaikannya.

Kita boleh menganggap ia pandangan peribadi dan tidak perlu dipandang serius. Tetapi jika dibiarkan usaha murni Malaysia itu diperlecehkan, adalah dibimbangi tidak ada negara luar yang akan bersimpati lagi dengan negara itu. Ketika menghadapi masalah, kita tidak seharusnya sombong. Jika begini sikap yang ditunjukkan, adalah lebih baik Malaysia menarik diri daripada menjadi orang tengah yang tidak dihargai.

(END)